



INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS KENT
PETI SURAT 2
89207 TUARAN SABAH
Tel : 088-788500/004/040/369
Fax : 088-788007
Emel : admin@ipkent.edu.my

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami: KC/11(H)974/1-36Jld.6(15)
Tarikh : 1 Julai 2013

Semua Pensyarah
IPG Kampus Kent
Tuaran

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA DAN MENYERTAI SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN IPG KAMPUS KENT 2013

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Pendidikan Guru akan mengadakan Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Kent 2013 pada 28-29 Ogos 2013.

3. Sehubungan itu, pihak IPG Kampus Kent ingin menjemput tuan/puan membentangkan kertas kerja di seminar tersebut. Pembentang kertas kerja adalah dimohon untuk menghantar abstrak dan kertas kerja kepada urus setia seminar seperti yang terkandung dalam kertas makluman yang dilampirkan. Tuan/puan juga boleh memperoleh maklumat tersebut dalam laman web Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, boleh menghubungi terus kepada Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan.

Kerjasama dan tindakan lanjut daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(ROMLI BIN DARUS)
Timbalan Pengarah,
IPG Kampus Kent, Tuaran

**Panggilan Kertas Kerja Untuk
Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Kent 2013**

1. Penyertaan

Penyertaan dan pembentangan kertas kerja terbuka kepada semua warga pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

2. Tarikh Penting

Penghantaran abstrak : 19 Ogos 2013
Penghantaran kertas kerja: 23 Ogos 2013
Tarikh Seminar : 28-29 Ogos 2013

3. Format penulisan

Abstrak dan kertas kerja hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penulisan abstrak hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan dan ditaip dalam langkau 1.0. Kertas kerja yang lengkap hendaklah tidak melebihi 15 halaman termasuk rujukan, dengan langkau 1.5. Rujukan ditulis mengikut gaya American Psychological Association (APA). Kertas kerja perlu ditaip dengan font Arial 10, page layout paper ISO B5.

Semua abstrak dan kertas kerja hendaklah diemel kepada : mbkent@ipkent.edu.my